
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

RHS 512 – Rekabentuk Perumahan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja.

- 2 -

1. "Terdapat ciri-ciri perancangan tertentu yang mempengaruhi susunatur sesebuah perkampungan tradisional Melayu di negara kita".

Huraikan dengan ringkas kenyataan di atas.

(20 markah)

2. Berikan pendapat anda tentang bagaimanakah sifat-sifat rekabentuk rumah tradisional dapat diterapkan dalam perancangan sebuah perumahan moden pada masa kini.

(20 markah)

3. Terangkan dengan jelas beberapa persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam aspek-aspek rekabentuk sebuah rumah tradisional Melayu dan kolonial.

(20 markah)

4. Peringkat *Pra Pembinaan*, *Pembinaan* dan *Pasca Pembinaan* adalah 3 peringkat utama dalam proses pembangunan sesebuah perumahan moden.

Sebagai seorang perunding yang dilantik, terangkan dengan ringkas langkah-langkah yang perlu diambil oleh pemaju perumahan pada setiap peringkat tersebut.

(20 markah)

5. Huraikan **TIGA** sebab kenapa rekabentuk perumahan kos rendah dalam konteks Malaysia sering mengakibatkan penghuni mengalami ketidakselesaan terma?
Apakah **TIGA** kebaikan menggunakan perisian permodelan terma HTB2 untuk mengkaji keselesaan terma pada sesebuah perumahan?

(20 markah)

6. Dalam rekabentuk perumahan tinggi (*highrise*) di Malaysia, terutamanya pada unit-unit kos rendah dan pertengahan, kehendak penghuni sering diabaikan oleh perekabentuk.
Berikan **TIGA (3)** contoh permasalahan itu, apakah akibatnya, dan bagaimanakah cara mengatasinya.

(20 markah)

7. Terangkan dengan ringkas tentang kepentingan perancangan infrastruktur bagi sesebuah projek perumahan yang akan dijalankan oleh syarikat pemaju perumahan.

(20 markah)

- ooo O ooo -